

(ADAT ISTIADAT DIRAJA DALAM TEKS UNDANG-UNDANG
ADAT TEMENGGUNG DAN PEMAKAIANNYA DI HARI INI;
SATU KAJIAN DI KEDAH.

100446947

(ABD. RAHIM BIN ISMAIL

Sm. P.I.

(JABATAN SYARIAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1982/83.

ADAT ISTIADAT DIRAJA DALAM TEKS UNDANG-UNDANG
ADAT TEMENGGUNG DAN PEMAKAIANNYA DI HARI INI;
SATU KAJIAN DI KEDAH.

O

L

E

H

ABD. RAHIM BIN ISMAIL

M.7175

Penyelia:

USTAZ ABD. MONIR YAACOB

Latihan Ilmiah ini dikemukakan kepada Universiti
Kebangsaan Malaysia untuk memenuhi syarat bagi
mendapatkan Ijazah Sarjanamuda Pengajian Islam
dengan Kepujian (Sm. P.I. Hons).

JABATAN SYARIAH

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1982/83.

0.1. PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله القائل فلولا نفر من كل فرقة منهم
طائفة ليتقوا في الدين ولينذروا قومهم اذا رجعوا
اليهم لعلهم يحذرون * والصلاة والسلام على
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين *

Dengan penuh kesyukuran terhadap keizinan Allah yang telah memberikan kelapangan kepada saya untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Sesungguhnya petunjuk dan kelapangan merupakan pemberian dan kurniaan Allah dengan sebesar-besar nikmat kepada golongan yang mensyukurinya. Di samping itu juga saya bersyukur kepada Allah yang membuka pintu hati berbagai pihak untuk membantu saya dalam kerja-kerja untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Semoga dengan kajian ini dapat memberikan faedah kepada generasi kini dan terkemudian.

Di sini terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia latihan ilmiah ini iaitu Ustaz Abd. Monir Yaacob kerana pandangan dan bimbingan yang telah beliau berikan sepanjang penulisan latihan

ilmiah ini. Saya tidak akan melupakan jasa-jasa baik beliau itu dan saya doakan semoga Allah memberikan rahmat dan kebahagiaan dunia dan akhirat.

Demikian juga dipersembahkan terima kasih yang tidak ternilai kepada emak dan ayah yang dikasihi atas dorongan dan pengurbanan yang berpanjangan sehingga kejayaan ini, kepada adik-adik yang disayangi Halimah, Yusri dan Zalie tidak dilupakan juga terima kasih diucapkan atas bantuan segala-galanya, abang doakan semoga anda semua berjaya menghadapi cabaran hidup setiap masa. Terima kasih juga diucapkan kepada kawan-kawan yang telah memberikan bantuan bagi menyiapkan latihan ilmiah ini dan seterusnya kepada Cik Noraida yang telah menyelenggarakan urusan menaip latihan ilmiah ini.

Akhir sekali saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah memberikan kerjasama samada secara langsung dan tidak langsung iaitu kepada kakitangan pejabat DYMM Sultan Kedah amnya, kepada Tuan Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah, Dato' Haji Wan Ibrahim bin Wan Soloh, Dato' Haji Shuib bin Osman dan YTM Tunku Dato' Fariduddin bin Tunku Mansur khasnya.

Hanya Allah sahajalah yang dapat membalas kelapangan dada mereka yang membantu saya. Doa saya semoga Allah mengampun kesalahan saya, kedua ibu bapa dan seluruh kaum Muslimin dan Muslimat. Seterusnya saya memohon kemaafan dan keampunan kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan-kakitangan Fakulti Pengajian Islam amnya dan Jabatan Syariah khususnya jika terdapat kesalahan-kesalahan saya di sepanjang pengajian di Universiti ini yang rasa agak terkilan di hati.

Sekian, Wabillāh al-taufīk wa al-hidāyah wa as-salām.

Abd. Rahim Ismail,
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian
Islam, UKM, Bangi.

15hb. March, 1983.

ISI KANDUNGAN

<u>BIL.</u>		<u>HALAMAN</u>
0.1.	PRAKATA	1
0.2.	SINOPSIS.....	vii
0.3.	PENDAHULUAN.....	ix
0.4.	GLOSSARI.....	xv
0.5.	TRANSLITERASI.....	xx

BAB PERTAMA

1.1.	Latarbelakang Adat Istiadat.....	1
1.2.	Definasi Adat Istiadat.....	2
1.3.	Nilai Adat Istiadat.....	14
1.4.	Jenis-Jenis Adat Istiadat Di Semenanjung.....	21
1.5.	Adat Temenggung.....	22

BAB KEDUA

2.1.	Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Secara Umum....	32
2.2.	Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya.....	34
2.3.	Pengasas Adat Istiadat.....	36
2.4.	Konsep Raja.....	37
2.5.	Bidangkuasa Raja-Raja Melayu.....	40
2.6.	Pembahagian Adat Istiadat.....	46
2.6.1.	Adat Istiadat Larangan.....	48

1a.	Kain Kuning.....	48
b.	Kain Nipis.....	50
c.	Keris Berhulu Emas.....	50
d.	Membuat Rumah dan Perahu.....	51
e.	Tilam Pandak Empat Persegi.....	52
f.	Tombak Bercabang Tiga.....	52
g.	Adat Memakai Payung.....	53
2.6.2.	Upacara dan Peraturan Adat Istana.....	54
a.	Adat Bahasa Raja=Raja.....	54
b.	Adat Utusan Datang dan Pergi.....	56
c.	Adat Istiadat Raja Berjalan.....	57
d.	Adat Istiadat Raja Bersemayam dan Menjunjung Duli.....	58
e.	Adat Istiadat Raja Berangkat Pada Hari Raya.....	59
f.	Adat Istiadat Perkahwinan.....	59
g.	Adat Istiadat Pertabalan.....	64
h.	Adat Istiadat Kemangkatan.....	66
2.7.	Unsur-Unsur Asing Dalam Adat Istiadat Raja= Raja Melayu.....	70

BAB KETIGA

3.1.	Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Yang Terpakai..	78
3.1.1.	Adat Istiadat Larangan.....	78
3.1.2.	Upacara dan Peraturan Adat Istana.....	82
3.2.	Penelitian dan Penganalisaan.....	104
	Kesimpulan dan Penutup.....	112
BIBLIOGRAFI.....		115
LAMPIRAN 1: HUKUM KANUN MELAKA.....		124
LAMPIRAN 2: PERATURAN ADAT ISTIADAT PERTABALAN SULTAN NEGERI KEDAH DARULAMAN.....		172
LAMPIRAN 3: GAMBAR PERALATAN ADAT ISTIADAT.....		211

0.2. SINOPSIS

Dalam Latihan Ilmiah ini pengkaji telah berminat untuk membuat tinjauan mengenai keluarga Diraja khususnya mengenai adat istiadat yang mempunyai hubungan dengan Raja-Raja Melayu. Oleh itu tinjauan akan dibuat mengenai adat istiadat Raja-Raja Melayu yang terdapat di dalam teks Undang-Undang Adat Temenggung sebagai suatu perbandingan dengan adat istiadat yang masih terpakai di hari ini. Pengkajian khusus akan ditumpukan di negeri Kedah. Untuk perbandingan mengenai tajuk ini secara keseluruhannya, pengkaji telah merangka dan membahagikannya kepada tiga bab.

Bab pertama akan ditumpukan kajian kepada teks-teks yang menyentuh tentang latarbelakang adat istiadat diikuti dengan definisi adat istiadat, nilai adat istiadat, jenis-jenisnya yang terdapat di Semenanjung Malaysia kemudian akan diuraikan secara ringkas mengenai Adat Temenggung kerana ia mempunyai hubungan dengan tajuk ini.

Bab kedua pula merangkumi Adat Istiadat Raja-Raja Melayu Secara Umum, Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangannya, Pengasas Adat Istiadat, Konsep Raja dan Bidangkuasa Raja-Raja Melayu. Kemudian dalam bab ini juga satu tinjauan secara khusus akan dibuat mengenai adat istiadat Raja-Raja Dahulu yang terdapat dalam

Teks Undang-Undang Adat Temenggung dan membahagikannya kepada dua bahagian iaitu bahagian Adat Istiadat Larangan dan bahagian Upacara dan Peraturan Adat Istana, kemudian disentuh sedikit mengenai Pengaruh atau Unsur Asing yang terdapat dalam Adat Istiadat Raja-Raja Melayu.

Bab ketiga kajian ditumpukan mengenai Adat Istiadat yang masih terpakai dewasa ini, kemudian Penelitian dan Penganalisaan dibuat untuk memperbandingkan antara adat istiadat lama dan baru untuk melihat dari segi persamaan dan perbezaan antara keduanya. Seterusnya diikuti dengan Kesimpulan dan Penutup Latihan Ilmiah ini.

0.3. PENDAHULUAN

A. BIDANG KAJIAN

Latihan Ilmiah ini adalah merupakan sebagai satu bidang kajian untuk memperlengkapkan unit dan juga bagi menyempurnakan syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengajian Islam dengan kepujian. Ia juga merupakan sebagai satu bidang kajian yang umumnya adalah bertujuan untuk memperlihatkan tentang adat istiadat raja-raja Melayu. Walau bagaimanapun bidang kajian mengenai tajuk ini adalah amat luas, pengkaji telah cuba menganalisa tentang adat istiadat yang agak penting dan diperturunkan dalam latihan ilmiah ini.

Jelasnya mengenai adat istiadat ini masih dikekalkan hingga sekarang ini hanya dengan sedikit pindaan di sana sini dengan tujuan untuk menyesuaikan dengan keadaan masa, tetapi adalah bertepatan jika dikatakan bahawa terdapat sebilangan besar masyarakat di Kedah khususnya dan di Malaysia umumnya yang tidak benar-benar mengetahui dengan secara mendalam tentang adat istiadat tersebut, kecuali mereka yang terlibat dan orang yang tinggal di istana sahaja. Walaupun adat istiadat yang dibincangkan dalam latihan ilmiah ini dikhususkan kajiannya kepada adat istiadat negeri Kedah tetapi pada dasarnya mempunyai persamaan juga dengan negeri-negeri lain yang mengamalkan sistem adat Temenggung.

B. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mengkaji tentang peraturan-peraturan adat istiadat istana yang masih dipraktikkan di kalangan keluarga diraja di samping menilai upacara-upacara yang dilakukan. Selain daripada itu pengkaji juga ingin meninjau sejauhmana adat istiadat lama masih memainkan peranan dan sejauhmana perubahan-perubahan berlaku dari masa kesemasa berhubung dengan adat istiadat tersebut serta pengaruh asing yang terdapat didalamnya.

Oleh itu pengkaji yakin dan berharap dengan kajian yang dilakukan ini akan dapat menarik perhatian pihak-pihak tertentu tentang sejauhmana kepentingan adat istiadat ini dan semoga dapat memberi pengetahuan kepada umum walaupun ianya tergolong dalam istiadat lama.

C. METODE KAJIAN

Dalam mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan latihan ilmiah ini beberapa metode telah digunakan dan akan digunakan semasa membuat kajian seterusnya bagi melicinkan bidang kajian mengenai tajuk ini. Dengan ini kelemahan satu metode akan dapat diatasi dengan metode yang lain. Metode yang digunakan seperti berikut:

c. Pita rakaman

Dalam membuat kajian ini salahsatu metode yang digunakan ialah pita rakaman suara iaitu semasa bertemuramah dengan orang-orang tertentu dengan tujuan untuk memudahkan pengkaji mengikuti temuramah dengan lebih tepat dan jelas di samping catitan-catitan dibuat.

D. MASALAH SEMASA MEMBUAT KAJIAN

Walaupun beberapa metode kajian digunakan, namun demikian terdapat juga kelemahan-kelemahan semasa kajian itu dilakukan. Ini disebabkan satu golongan masyarakat yang mempunyai status yang tinggi dan berlainan dari masyarakat biasa, maka terdapat beberapa peraturan-peraturan yang mesti dituruti. Di antara masalah-masalah yang terpaksa pengkaji hadapi semasa membuat kajian ialah:

a. Pengkaji agak sukar menemui mereka yang berpengaruh dan juga mereka yang mempunyai pengetahuan mengenai adat istiadat tersebut, walaupun masa dan hari telah ditetapkan tetapi kadangkala perjanjian itu terpaksa dibatalkan kerana mereka mempunyai urusan lain yang mungkin lebih penting seperti terpaksa menghadiri mesyuarat atau lain-lain hal.

b. Selain daripada itu, pengkaji juga agak sukar untuk menemui atau mendapat kerjasama dari pihak tertentu untuk meminjam buku-buku, mendapat kebenaran untuk mengkaji berhubung dengan tajuk di atas dan sebagainya. Pengkaji terlebih dahulu dikehendaki menyelesaikan urusan surat menyurat bagi mendapat kebenaran resmi dari pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah yang terletak di Wisma Negeri, Alor Star, Kedah.

c. Masalah juga timbul dari segi jarak jauh di antara tempat tinggal pengkaji untuk menemui mereka yang terlibat di mana, ini merupakan satu kesukaran walaupun pengkaji berasal dari negeri Kedah tetapi disebabkan pengkaji menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia, jadi jarak perjalanan antara Selangor dan Kedah adalah merumitkan di mana memerlukan masa yang sesuai untuk pulang, pelajaran tergendala dan sedikit sebanyak melibatkan kedudukan kewangan.

d. Mengenai bahan-bahan bacaan pula pengkaji tidak dapat mengumpulkan dengan selengkapnya di perpustakaan UKM, jadi pengkaji terpaksa berulang-alik dari tempat-tempat lain seperti perpustakaan-perpustakaan awam, Dewan Bahasa, Arkib Negara, Musium dan lain-lain tempat yang dapat memberi bantuan kepada pengkaji dalam hal ini.

Seperkara lagi berhubung dengan bahan bacaan ini, di mana tajuk kajian di atas adalah merupakan satu tajuk yang mempunyai hubungan dengan Undang-Undang Melayu Lama seperti Undang-Undang Kedah, Undang-Undang Melaka, Undang-Undang 99 dan Undang-Undang Pahang di mana teks-teks asalnya adalah bertulisan jawi dan menggunakan bahasa lama yang ejaannya berlainan dengan apa yang didapati sekarang ini, kadang-kadang tidak didapati perenggan-perenggan dan susunan ayatnya juga tidak begitu teratur, sukar untuk difahami dan terpaksa menggunakan masa yang agak panjang untuk meneliti isi kandungannya.

0.4. GLOSSARI

Anugerah	- kurnia
Astaka	- Balai dalam istana.
Baginda	- Yang berbahagia (gelaran bagi sultan).
Bangsi	- Serunai.
Benian	- Peti.
Bentara	- Pesuruh raja (yang menyampaikan titah atau membawa alat kerajaan).
Beradu	- Tidur, berehat.
Berandam	- Memepat rambut di atas dahi, memepat janggut.
Berangkat	- Bertolak.
Bercemar	- Bercampur dengan orang yang lebih hina, mengotorkan.
Berlangir	- Membersihkan rambut dengan bermacam wangi-wangian.
Beta	- Saya (digunakan oleh raja-raja atau orang-orang yang berpangkat).
Biti-Biti	- Hamba perempuan di istana.
Celempung	- Sejenis alat bunyi-bunyian yang memakai dawai seperti kecapi, sejenis alat-alat bunyi-bunyian seperti gong kecil.
Ceper	- Dulang, piring.
Ceracap	- Alat bunyi-bunyian seperti canang kecil atau buluh yang dihantuk-hantukkan.

Cokmar	- Sejenis pemukul dari logam yang dibawa dalam upacara-upacara tertentu.
Daulat	- Bahagia, kuasa (pada raja-raja yang memerintah).
Dian	- Lilin, pelita.
Gendir	- alat bunyi-bunyian gamelan.
Gering	- Sakit (untuk raja-raja).
Giring	- Sejenis alat bunyi-bunyian.
Gocoh	- Tumbuk, tinju.
Kain Cempa	- iaitu kain yang berasal dari Cempa, Indocina yang ditenun dengan halus dan indah.
Kain dukung	- kain pengendong atau pengambin (anak)
Kajangi	- anyam.
Kelekan	- Serambi.
Kendi	- Sejenis bekas air yang bermuncung (bercerat) dan bertangkai (dibuat daripada tembikar atau tin).
Kerikal	- Pinggan besar atau talam yang berkaki (dibuat daripada logam dan lain-lain).
Ketor	- Tempat Ludah.
Khasa(h)	- Kain yang halus nipis dan jarang-jarang tenun-annya.
Kopak	- Sejenis alat bunyi-bunyian.
Kurnia	- Anugerah, pemberian.
Kweng	- Ketua kampung.

- Makam - Kubur (digunakan untuk orang yang dihormati seperti keluarga diraja, pahlawan dan lain-lain).
- Mamak - Sebutan oleh raja kepada pembesar-pembesar negeri (menteri dan lain-lain), bapa saudara.
- Manakan - bapa kepada kemanakan.
- Mangkat - Baginda meninggal (digunakan untuk raja), mati.
- Murka - Marah, meradang.
- Nafiri - Sejenis serunai (trompet) panjang.
- Nagara - Sejenis gendang besar - nakara.
- Nasi adap-adapan - Nasi bercampur pulut dan sebagainya dihidangkan untuk pengantin baru.
- Nobat - ialah salah satu dari alat bunyi-bunyian Parsi termasuk juga didalamnya muri, dandi, serunai, kecapi, rebana dan lain-lain.
- Pacal - Hamba kepada raja.
- Pakan - Benang tenunan yang melintang.
- Panca - Logam campuran lima jenis.
- Panca persada - Tempat tinggi yang bertingkat-tingkat, tempat bersemayam raja waktu pertabalan (tempat orang besar-besar dan lain-lain).
- Pandak - Pendek.
- Patik - Hamba, saya (sewaktu bercakap dengan raja).
- Penduk - Penyalut pada sarung keris dari emas, perak dan lain-lain.

Penomah	- Raja - pemberian kepada bakal mentua.
Permanjungan	- Bahagian rumah yang ditinggikan disisi atau di tengah rumah.
Peterana	- Sejenis tempat duduk untuk orang yang dihormati (raja mempelai dan lain-lain).
Puaidai	- Sejenis hamparan dari kain, untuk tempat berjalan atau tempat duduk orang besar-besar (pengantin ketika bersanding dan lain-lain).
Puan	- Tempat sirih yang diperbuat dari emas atau perak biasanya dipakai oleh permaisuri, pengantin perempuan atau sebagai tanda kekuasaan raja.
Rana Sekati	- Nama sejenis bunyi-bunyian.
Sabda	- Kata-kata (nabi, raja, orang-orang besar), titah.
Santap	- makan, minum.
Selukat	- Sejenis alat bunyi-bunyian yang diperbuat daripada logam.
Semayam	- Duduk di atas takhta atau singgahsana.
Sida-sida	- Pegawai dalam istana (mungkin sj pendeta), pegawai dalam istana yang telah dikasi (dikembiri).
Singgahsana	- Kerusi kerajaan (tempat raja bersemayam).
Siram	- Mandi.
Suling	- Sejenis serunai, bangsi, salong, seruling.
Tabal	- Majlis merasmikan penobatan atau kemahkotaan raja.

- Terterapan - Sarung keris yang dilapis dengan emas atau ditatah dengan permata.
- Tetampan - Selampai dari kain sutera kuning yang (disibai-kan kebahu ketika menghadap raja atau untuk menudungi barang-barang yang dipersembahkan kepada raja).
- Titah - Kata raja, perintah.
- Tutuh - Memotong dahan atau cabang kayu.
- Wali - Sejenis kain kuning yang disampaikan di bahu pegawai istana yang membawa alat kerajaan.

0.5. TRANSLITERASI

Bagi Perkataan-perkataan Arab yang digunakan di sini adalah mengikut transliterasi berikut:

a =	ا	d =	ض
b =	ب	t =	ط
t =	ت	z =	ظ
th =	ث	c =	ع
j =	ج	gh =	غ
h =	ح	f =	ف
kh =	خ	q =	ق
d =	د	k =	ك
dh =	ذ	l =	ل
r =	ر	m =	م
z =	ز	n =	ن
s =	ص	h =	ه
sh =	ش	w =	و
s =	ص	y =	ي
		,	ة
dammah + waw = ū		fathah	= a
Fathah + yā' = ai		kasrah	= i
fathah + waw = au		dammah	= u
		fathah + alif	= ā
		kasrah + yā'	= ī

PERATURAN
ADAT ISTIADAT PERTABALAN SULTAN
NEGERI KEDAH DARULAMAN

pendahuluan:

D.Y.M.M. Tuanku Sultan telah berkenan melantik sebuah Jawatankuasa mengandungi :-

1. Dato' Haji Shuaib bin Osman sebagai Pengerusi
2. Dato' Haji Wan Ibrahim bin Wan Soloh
3. YTM. Tunku Dato' Fariddudin Haji bin Tunku Mansor
4. Dato' Sheikh Abdul Majid bin Mohd Noor
5. Dato' Syed Idrus al-Idrus
6. Setiausaha Sulit kepada D.Y.M.M Sultan
(Encik Zainuddin bin Mahmud) sebagai Setiausaha untuk

membuat aturan-aturan berkenaan Adat Istiadat Pertabalan DiRaja Negeri Kedah. Sebelum mesyuarat pertama dapat diadakan Dato' Syed Idrus telah kembali ke Rahmatullah.

2. Menjunjung titah perintah ini, maka Jawatankuasa ini telah adakan beberapa kali mesyuarat. Dalam mesyuarat yang pertama diberitahu oleh Dato' Seri Amar DiRaja (Dato' Haji Wan Ibrahim bin Wan Soloh) bahawa dahulu dari ini D.Y.M.M. telah perkenan melantik sebuah Jawatankuasa dengan tujuan yang sama dipengerusi-kan oleh Almarhom Y.T.M. Tunku Kassin ibni Almarhom Sultan Abdul Hamid Halimshah (Tunku Laksamana Kedah). Maka Dato' Haji Wan Ibrahim telah pun menyediakan sebuah rencana tetapi tidak sempat ditim- bang oleh Jawatankuasa itu kerana kemangkatan Y.T.M. Tunku Kasim.

3. Dalam menjalankan siasah itu Dato' Haji Wan Ibrahim telah dapat peraturan istiadat pertabalan yang dibuat zaman pemerintah

Sultan Rijaluddin ibni Sultan Sulaiman (1035-1062 Hijrah = 1625-1653), Sultan Negeri Kedah yang bersemayam di Naga. Naga ialah sebuah Mukim dalam daerah Kubang Pasu pada masa ini. Salinan peraturan itu ada dikepilkan pada peraturan ini.

4. Sepanjang yang ada catitan Sultan Kedah yang ditabalkan dengan sepenuh istiadat ialah Sultan Ahmad Tajuddin ibni Sultan Abdullah Mukarram Shah II (Marhum Melaka dalam tahun Hijrah 1219 bersamaan tahun 1804 Masehi. Dan yang akhir sekali ialah pertabalan Sultan Abdul Halim Muazzam Shah ibni Almarhum Sultan Badli-shah dalam tahun 1378 Hijrah bersamaan tahun 1959 Masehi.

5. Maka oleh kerana pertabalan seseorang Raja hingga ke pertabalan seorang Raja kerap kali senggang masanya (seperti Sultan Ahmad Tajuddin II dan Sultan Abdul Halim Muazzam Shah sekarang sudah senggang 155 tahun) peraturan istiadat yang dijalankan dalam tahun 1804 itu sudah tidak sesuai dijalankan dalam tahun 1959. Misalan dalam tahun 1804 Raja berangkat ke Balai Pertabalan dengan menaikki gajah, pada zaman ini ada kenderaan yang lebih sempurna dan segera. Pada zaman sekarang Raja sampai di Balai Pertabalan disambut oleh barisan kehormatan, pada zaman dahulu tidak ada.

6. Walaubagaimana pun Jawatankuasa telah cuba dengan seberapa yang boleh memasukkan ke dalam peraturan istiadat ini aturan yang diamalkan pada zaman dahulu dan peraturan yang dijalankan pada masa pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Halim Muazzam Shah dalam tahun Hijrah 1378 bersamaan tahun 1959 Masehi.

7. Seperkara lagi yang saya suka sebutkan disini ialah sekarang Raja dilantik dan memerintah mengikut Perlembagaan Negeri, tetapi pada zaman dahulu Raja berkerajaan sendiri (Monarchy).

8. Peraturan ini dibuat bukan sahaja jadi peraturan adat istiadat yang resmi tetapi hendaklah juga disifatkan sebagai catitan buat panduan di masa hadapan.

9. Selain daripada peraturan istiadat pertabalan disertakan juga sebagai lampiran salinan kanun Negeri Kedah berkenaan dengan pertabalan Raja-Raja pada zaman pemerintahan Sultan Rijaluddin ibni Sultan Sulaiman sampai kepada pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin II (Marhum Melaka). Dan juga surat-surat kepada Raja-Raja dan Gabnor-Gabnor, surat peristiharan pertabalan, surat titah DiRaja di Majlis Pertabalan, ucapan Menteri Besar dan titah ucapan Sultan Abdul Halim Muazzam Shah di Majlis Jamuan Negeri dalam tahun 1959. Surat-surat, dokumen-dokumen dan ucapan-ucapan ini bukan sahaja catitan sejarah tetapi ialah juga buat panduan bagi hari ke hadapan.

10. Oleh kerana itu Jawatankuasa baru ini telah bersetuju mengkaji rencana ini dalam mesyuarat pertamanya. Didapati pada khususnya segala yang ditulis itu boleh dijadikan asas aturan-aturan ini. Jawatankuasa ini berasa bertuah kerana dapatnya rencana ini dan mengucap penghargaan di atas usaha Dato' Seri Amar DiRaja (Dato' Haji Wan Ibrahim bin Wan Soloh) menyediakan rencana ini, sesungguhnya kerana itu pekerjaan Jawatankuasa ini telah menjadi lebih ringan.

11. Jawatankuasa ini bersetuju pada dasarnya dengan rencana aturan Almarhum Y.T.M. Tunku Kassim dan bersetuju jua susunan acara pertabalan ini dikeluarkan sebagai PANDUAN dan bukannya sebagai KAEDAH (Rules). Dengan tujuan itu Jawatankuasa ini telah pun menimbang lapuran itu dengan telitinya dan telah membuat beberapa pindaan supaya menjadi lebih jelas sebagai panduan untuk memimpin pihak-pihak yang berkenaan menjalankan tugas-tugas ber-

kenaan istiadat dan lain-lain urusan pertabalan DiRaja dengan tertib dan licin.

12. Maka Jawatankuasa ini telah atur panduan ini kepada beberapa bahagian. Pertama dipermasuk satu potongan ayat al-Quraanulkarim berkenaan pemberian kuasa pemerintahan oleh Allah - dari surah Al-Imran ayat 26, dituruti dengan cabutan daripada Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah Fasal 9 - Perkara mengangkat Raja, Fasal 23 - perkara pertabalan dan Fasal 33 (1) - Kuasa Raja membuat peraturan berkenaan Adat Istiadat. Ini dituruti dengan cara menentukan tarikh pertabalan diikuti oleh 3 Bab berkenaan Istiadat Pertabalan. Diakhirnya dibekalkan beberapa Lampiran yang boleh dijadikan contoh dan peringatan berkenaan aturcara dan lain-lain bahagian adat istiadat pertabalan DiRaja.

13. Jawatankuasa ini telah timbang dengan teliti berkenaan acara keberangkatan D.Y.M.M. ke Masjid untuk ibadat sembahyang sebelum istiadat pertabalan seperti yang dilakukan pada zaman dahulu; juga acara keberangkatan D.Y.M.M. serta rombongan dari wakil Raja-Raja mengerjakan Fardzu Jumaat selepas istiadat pertabalan seperti yang dikerjakan di masa pertabalan dalam tahun 1959 dahulu.

14. Nampaknya istiadat sembahyang ini menjadi adat purba dan harus dikekalkan tetapi hendaklah menyesuaikan istiadat ini dengan keadaan sekarang. Maka oleh itu Jawatankuasa ini telah meminta timbangan yang lebih mendalam berkenaan perkara ini dari Dato' Yang DiPertua, Majlis Ugama Negeri dan memberi nasihatnya.

15. Maka ikut nasihat itu tidak tersebut apa dalam shariat yang berkehendak pada sembahyang khas berkenaan pertabalan. Malahan bagi menunjuk "syukur" cuma memadai dengan sujud "syukur". Memandang kepada penerangan ini difikirkan tidaklah dikehendaki ada

apa upacara sembahyang berkenaan pertabalan. Oleh itu perkara sembahyang itu ditinggalkan.

16. Jawatankuasa ini telah mengkaji perkara pertabalan seseorang Raja dari segi ugama dan Perlembagaan. Didapati Raja ialah menjadi Khalifah dari Ugama Islam dan ada ayat-ayat Perlembagaan Raja menjadi Ketua Ugama dalam negeri dan berkuasa melantik berbagai-bagai pegawai Ugama.

17. Memandang kepada ini, Jawatankuasa berpendapat adalah sangat sesuai jika dalam istiadat pertabalan, Yang DiPertua Majlis Ugama dijemput membaca satu potongan ayat daripada Al-Quranulkarim yang menyatakan Raja adalah Khalifah dan menentukan tanggungjawabnya dari segi Ugama Islam dan hendaklah ia menterjemahkan ayat-ayat ini ke Bahasa Malaysia. Maka sekiranya saranan ini diperkenankan hendaklah ini dijadikan satu daripada acara istiadat pertabalan. Maka ayat yang sesuai dibacakan ialah seperti lampiran.

18. Seperkara lagi yang ditimbang dengan teliti ialah acara membaca "Selawat" di masa Nobat bermain lagi "Raja Berangkat". Jawatankuasa ini selepas memikirkan perkara ini dengan lebih mendalam berpendapat lebih elok "Selawat dibacakan di masa D.Y.M.M. berangkat keluar ke Balai Penghadapan menaiki Istaka, diikuti dengan paluan Nobat. Masa Nobat dipalu, D.Y.M.M. akan bersemayam di atas takhta. Maka istiadat pertabalan tidak akan dimulakan sehingga selesai paluan Nobat.

19. Jawatankuasa ini telah menimbang suatu cadangan iaitu "Lagu Allah Selamat Sultan" yang lazim dimainkan oleh pancaragam itu digantikan dengan nyanyian ramai oleh sekumpulan "koir" murid-murid sekolah diiringi oleh pancaragam. Dengan ini nyanyian ini

boleh dinisabkan sebagai doa rakyat dalam acara pertabalan ini. Jawatankuasa sebulat suara setuju dengan cadangan ini dan mempersembhkannya sebagai saranan dibawah D.Y.M.M. Sultan untuk dipertimbangkan.

20. Maka Jawatankuasa ini dengan penuh hormat dan takzimnya mempersembah saranan di atas semoga diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dan dijadikan sebagai Panduan berkenaan Adat Istiadat Pertabalan DiRaja bagi Negeri Kedah Darulaman.

21. Bagi mengakhiri lapuran ini ahli-ahli Jawatankuasa ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas perkhidmatan Dato' Haji Wan Ibrahim bin Wan Soloh kerana siasatannya dan mengubal serta merencana peraturan Istiadat Pertabalan ini untuk bincangan Jawatankuasa dan menjadikan tugas Jawatankuasa itu sangat ringan. Jawatankuasa ini juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Zainudin bin Mahmud Setiausaha Jawatankuasa, di atas perkhidmatannya.

ALLAH SELAMAT SULTAN

Dato' Haji Shuaib bin Osman,
DPMK., PSD., BCK.
Pengerusi Jawatankuasa

AHLI-AHLINYA:

1.
Dato' Haji Wan Ibrahim bin Wan Soloh,
DPMK., BCK., BKM., JP.
(DATO' SERI AMAR DIRAJA)

2.
Y.T.M. Tunku Dato' Fariddudin bin
Tunku Mansor, DSDK., SMK., BCK.

3.
Dato' Sheikh Abdul Majid bin
Mohd. Noor, DPMK., PCK.

4.
Encik Zainuddin bin Mahmud, AMK., BCK.
Setiausaha Sulit kepada D.Y.M.M. Sultan Kedah.
Setiausaha.

ALOR SETAR : 21.11.1396 bersamaan 13.11.1976.

DENGAN NAMA ALLAH YANG AMAT PEMURAH

LAGI AMAT MENGASIHANI

Katalah (Wahai Mohamed)

"Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintah, Engkaulah yang memberikan kuasa pemerintah kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghinakan sesiapa yang Engkau kehendaki. Di dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau amat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu."

(Suratul Amran - ayat 26).

UNDANG-UNDANG TUBOH

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARULAMAN

Berkenaan dengan ketetapan kepada mengangkat Raja, Tabalan Sultan dan kuasa Raja membuat Peraturan Adat Istiadat Balai Penghadapan dan Istiananya

Perkara 9 Undang-undang Tuboh Kerajaan Kedah Darulaman menetapkan bahawa " Tiada seorang akan diangkat naik takhta dan Kerajaan Negeri Kedah melainkan angkatannya itu telah dipertetapkan oleh Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja. "

Perkara 23 Undang-undang Tuboh Kerajaan Kedah Darulaman menetapkan bahawa " Raja itu hendaklah ditabalkan mengikut Adat Istiadat Negeri Kedah. "

Perkara 33 (i) Undang-undang Tuboh Kerajaan Negeri Kedah Darulaman juga menetapkan bahawa " Jika ia suka boleh Raja itu daripada suatu masa kesuatu masa buat peraturan habuan balai penghadapan dan istananya dan habuan mengangkat pegawai-pegawai balai penghadapan dan istananya dan habuan mengaturkan segala adat istiadat dan habuan menyempurnakan pekerjaan pegawai-pegawai balai penghadapan dan Istana Raja itu dan orang-orang yang menanggung pekerjaan adat istiadat tetekala membuat demikian itu hendaklah diambil timbang dengan halusi diatas adat istiadat Negeri ini jika ada. "

PERATURAN ISTIADAT PERTABALAN

SULTAN NEGERI KEDAH

Permulaan

Menteri Besar berunding dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan sembah maklum dibawah DYMM. Sultan.

1. Menteri Besar setelah berunding dengan Majlis Mesyuarat Kerajaan hendaklah menetapkan hari Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Kemudiannya persembah maklum keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan dibawah Duli Yang Maha Mulia untuk diperkenankan cadangan itu.

Maklum kepada DYMM. SPB. Yang Dipertuan Agung, Raja-Raja, Gabnor-gabnor dan Yang Dipertuan Negara.

2. Apabila telah diperkenankan, Duli Yang Maha Mulia akan memaklumkan dengan surat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Pasuka Baginda Yang Dipertuan Agung, Raja-Raja, Gabnor-Gabnor dan Yang Dipertuan Negera Sabah - yang Duli Yang Maha Mulia akan ditabalkan.

Menteri Besar maklum kepada Perdana Menteri.

3. Menteri Besar hendaklah memaklumkan dengan surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Malaysia, di atas hal cadangan hendak menabalkan Duli Yang Maha Mulia itu.

Melantik Jawatan-kuasa Kerja.

4. Apabila telah dipertetapkan hari pertabalan Menteri Besar hendaklah melantik Jawatankuasa Kerja yang ia sendiri menjadi pengurusinya.

Melantik Jawatan-kuasa Kecil oleh Jawatankuasa Kerja. 5. Jawatankuasa Kerja, apabila telah dilantik, berkuasa melantik beberapa Jawatankuasa Kecil dan menetapkan tugasannya.

BAB I

KEBERANGKATAN DULI YANG MAHA MULIA

SULTAN DAN DYMM. SULTANAH KE BALAI

PERTABALAN.

DYMM. Sultan dan Sultanah berangkat ke balai Pertabalan. 6. Pada waktu yang dipertetapkan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Sultanah berangkat dari Istana ke Balai Pertabalan diiringi oleh Pengiring-Pengiring DiRaja.

Kumpulan Perarakan pertabalan mengambil tempat. 7. Tidak berapa jauh dari Balai Pertabalan satu kumpulan "Perarakan Pertabalan" mengambil tempat dan bersedia.

Kandongan perarakan pertabalan. 8. Perarakan Pertabalan itu mengandongi pegawai-pegawai yang membawa:-

1.	Jogan Ugama	1
2.	Jogan Alam	1
3.	Cokmar	2
4.	Pedang	12
5.	Tombak Berambu	12
6.	Lembing	12
7.	Payong Uhor-ubor (warna kuning)	16
8.	Tunggul-tunggul merawal (warna kuningan merah dan hijau)	24

Ketua Perarakan
Pertabalan dan
pakaianya.

9. Perarakan Pertabalan itu diketuai oleh Seri Maharaja Lela memakai pakaian istiadat yang diperbuat khas dan dipayongkan dengan warna merah berubor-ubor dan membawa sebilah keris panjang.

Pembawa Jogan
Ugama dan Jogan
Alam & pakaian
mereka.

10. Orang yang membawa, Jogan Ugama dan Jogan Alam hendak dari Dato'-Dato' gelaran memakai pakaian istiadat yang diperbuat khas dan berkeris.

Pembawa-pembawa
cokmar-cokmar dan
pedang-pedang dan
pakaian mereka.

11. Orang-orang yang membawa cokmar-cokmar dan pedang-pedang hendaklah Dato'-Dato' gelaran atau pegawai-pegawai yang dipilih khas dan memakai pakaian istiadat yang diperbuat khas.

Pembawa cokmar berkeris, pembawa pedang tidak berkeris.

Pembawa-pembawa
tombak berambu,
lenting dan tung-
gul-tunggul dan
pakaian mereka.

12. Orang-orang yang membawa tombak berambu, lenting dan tunggul-tunggul hendaklah orang yang dipilih khas memakai pakaian warna hitam dan berselempang kain warna kuning.

Pembawa-pembawa
payong ubor-ubor
dan pakaian
mereka.

13. Orang-orang yang membawa payong ubor-ubor hendaklah orang yang dipilih khas memakai pakaian warna hitam berselempang kain warna kuning.

Perarakan kebe-
rangkatan DYMM.
masuk ke dalam
kumpulan pera-
rakan tabalan.

Sampai Perarakan
Tabalan di Balai
Tabalan.

Kenderaan DYMM.
Berhenti. DYMM.
berangkat turun.

DYMM. berangkat
ke pentas khas
barisan kehorm-
atan.

DYMM. berangkat
ke Balai Rong
Seri.

14. Apabila sampai perangkatan perarakan Duli Yang Maha Mulia di tempat Perarakan Tabalan, perangkatan Duli Yang Maha Mulia masuk kedalam kumpulan Perarakan Tabalan kemudian mara menuju ke Balai Tabalan didahului oleh Perarakan Tabalan.

15. Sampai Perarakan Tabalan di Balai Tabalan, Pasukan Perarakan Tabalan terus berjalan ke arah tempat yang dipertetapkan.

16. Kenderaan Duli Yang Maha Mulia berhenti. Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah berangkat turun disambut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan isteri serta pegawai-pegawai yang berkenaan.

Duli Yang Maha Mulia Sultanah berangkat ke tempat khas diiringi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Isteri.

17. Duli Yang Maha Mulia Sultan berangkat ke pentas khas untuk menerima tabek kehormatan dari barisan kehormatan.

18. Selepas memeriksa barisan kehormatan dan menerima tabek yang akhir Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Sultanah naik balik kenderaan terus berangkat ke Balai Rong Seri.

Pegawai-pegawai yang membawa Jogan Ugama dan Jogan Alam dan lain-lain mengambil tempat.

19. Sementara itu pegawai-pegawai bahagian perarakan Tabalan, iaitu pegawai-pegawai (Dato-Dato') yang membawa Jogan Ugama, Jogan Alam, Cokmar, pedang, tombak berambu, lembing dan payong ubor-ubor naik ke Balai Tabalan dan mengambil tempat masing-masing yang dipertetapkan.

BAB II

ISTIADAT PERTABALAN

Dzaif-dzaif mengambil tempat di Balai Tabalan.

20. Dzaif-dzaif yang hadir dijemput mengambil tempat di Balai Tabalan.

Tiupan nafiri alamat keberangkatan DYMM. keluar ke Balai Tabalan.

21. Apabila majlis siap sedia nafiri (fanfare) akan ditiup sebagai alamat keberangkatan Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah keluar ke Balai Tabalan.

DYMM. berangkat keluar didahului oleh Seri Maharaja Lela.

22. Keberangkatan Duli-Duli Yang Maha Mulia keluar ke Balai Tabalan didahului oleh Seri Maharaja Lela. Kemudian Duli-Duli Yang Maha Mulia dikapit oleh pegawai/Dato' yang membawa Jogan Ugama dan Jogan Alam dan dibelakangnya oleh pegawai-pegawai yang membawa Cokmar dan pedang. Dibelakang Duli-Duli Yang Maha Mulia oleh Juru Iring dan Dan Perwara.

- Selawat dan Nobat
23. Setelah berhenti tiupan nafiri (fanfare) selawat mula dilafazkan. Apabila tamat lafaz selawat, Nobat dipalu lagu "Raja Berangkat".
- Hadzirin bangun berdiri
24. Mula daripada tiupan nafiri sekalian yang hadzir di majlis bangun.
- Duli-Duli Yang Maha Mulia naik bersemayam di-Singgahsana.
25. Duli-Duli Yang Maha Mulia berangkat naik dan bersemayam di Singgahsana.
- Hadzirin duduk semula.
- Seri Maharaja memohon izin DYM memulakan istiadat.
26. Seri Maharaja Lela mara hadapan istaka mengangkat sembah memohon izin Duli Yang Maha Mulia memulakan istiadat.
- Seri Maharaja Lela mengundur diri dan masuk balik membawa alatan-alatan Pertabalan.
27. Seri Maharaja Lela memohon mengundur diri, kemudian masuk balik diikuti oleh pegawai-pegawai membawa alatan-alatan Pertabalan.
- Alatan-Alatan Pertabalan.
28. Alatan-alatan Pertabalan adalah seperti berikut:-
1. Puan sireh.
 2. Keris Kebesaran.
 3. Surat Peristiharan Pertabalan.+
 4. Surat Titah DiRaja. +
 5. Benian.
 6. Kendi.
 7. Embat-Embat.
 8. Bekas perasap.

- Alatan-alatan
Pertabalan diletak
di tempat khas
dan pembawa-pembawa-
nya undur.
29. Alatan-alatan ini diletakkan di atas
meja khas berhadapan istaka.
- Pegawai-pegawai yang membawanya menyem-
bah dan undur ke tempat yang dipertetapkan.
- Seri Maharaja Lela
mempersilakan
Yang DiPertua
Majlis Ugama
melafazkan ayat-
ayat suci.
30. Seri Maharaja Lela mempersilakan Yang
DiPertua Majlis Ugama melafazkan ayat-ayat
suci yang sesuai dengan pertabalan dan men-
terjemahkannya.
- Seri Maharaja
Lela mempersilakan
Menteri Besar
membaca surat
Perishtiheran
Tabalan.
31. Seri Maharaja Lela selepas mengangkat
sembah kebawah Duli Yang Maha Mulia -
mempersilakan Yang Amat Berhurat Menteri
Besar membaca surat Peristiharan Pertabalan
dan menyerahkan Surat itu kepadanya.
- Menteri Besar
baca Surat Per-
ishtiheran
Pertabalan.
32. Menteri Besar terima Surat Perishtiheran
Pertabalan dari Seri Maharaja Lela dan mem-
bacanya. Selepas dibacanya diserah balik
Surat itu kepada Seri Maharaja Lela.
- Seri Maharaja Lela
mempersembahkan
Surat Titah
DiRaja kebawah
DYM.
33. Seri Maharaja Lela mara ke hadapan istaka
mengangkat sembah dan mempersembahkan Surat
Titah DiRaja kebawah Duli Yang Maha Mulia.

DYMM. turun dari singgahsana dan membaca Surat Titah DiRaja.

34. Duli Yang Maha Mulia berangkat turun dari singgahsana dan menerima Surat Titah DiRaja dan membacanya. Selepas dibaca diserahkan Surat itu balik kepada Seri Maharaja Lela kemudian bersemayam semula.

+ Contoh Surat Perishtiharan Pertabalan dan Surat Titah DiRaja dilampirkan.

Seri Maharaja Lela mempersembahkan Keris Kebesaran dibawah DYMM.

35. Seri Maharaja Lela mara hadapan istaka mengangkat sembah - mengambil Keris Kebesaran dan melafazkan sembah :

"Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patek harap diampun."

"Patek mempersembahkan dibawah Duli Yang Maha Mulia Keris Kebesaran Negeri ini sebagai lambang kebesaran, kedaulatan dan kekuasaan Duli Yang Maha Mulia."

"Ampun Tuanku."

DYMM. menerima Keris Kebesaran dari Seri Maharaja lela.

36. Duli Yang Maha Mulia menerima Keris Kebesaran Negeri itu dan menghunusnya; kemudi-
disarongkannya semula.

Hadzirin bangun berdiri; Seri Maharaja Lela menyeru "Daulat Tuanku", hadzirin turut menyeru.

Nobat dipalu meriam dibedil payong-payong dikembangkan.

Allah Selamat Sultan dinyanyikan dengan pancaragam.

DYMM. bersemayam balik disinggahsana hadzirin duduk.

Menteri Besar membaca Surat Taat Setia dan Tahniah terhadap DYMM.

Menteri Besar serah balik Surat Taat Setia dan Tahniah kepada Seri Maharaja Lela.

37. Hadzirin bangun berdiri. Seri Maharaja Lela menyeru "Daulat Tuanku". tiga kali berturut-turut. Sekelian yang hadzir di majlis ikut menyeru.

38. Nobat dipalu lagu "Raja Bertabal". Meriam dibedil sebanyak 21 das mula daripada seruan perkataan "Daulat Tuanku" yang pertama; pegawai-pegawai yang memegang payong di Balai Pertabalan mengembangkan payongnya.

39. Apabila Nobat berhenti - lagu "Allah Selamat Sultan" dinyanyikan oleh sekumpulan koir.

40. Duli Yang Maha Mulia bersemayam balik disinggahsana. Seri Maharaja Lela mengambil tempat hadzirin duduk semula.

41. Setelah tamat bedilan meriam, Seri Maharaja Lela bangun mara ke hadapan istaka mengangkat sembah. Kemudian menyerahkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk dibaca "Surat Ucapan Taat Setia" dan tahniah terhadap Duli Yang Maha Mulia. +

42. Selepas Yang Amat Berhormat membaca Surat itu ia serah balik kepada Seri Maharaja Lela, mengangkat sembah undur duduk ditempatnya.

Seri Maharaja
Lela menyerah
Surat "Doa
Selamat" kepada
Yang DiPertua
Majlis Ugama.

43. Seri Maharaja Lela mara hadapan istaka dan menyembah kemudian menyerahkan kepada Yang DiPertua Majlis Ugama Islam "Surat Doa Selamat".

Yang DiPertua
Majlis Ugama
membaca Doa
Selamat.

44. Yang DiPertua Majlis Ugama diapit oleh Kadi Besar dan Imam Besar (Masjid Zahir) tampil hadapan mengangkat sembah kemudian membaca "Doa Selamat" itu.

Hadzirin di-
majlis bangun
berdiri ketika
Doa Selamat
dibaca.

45. Masa Doa Selamat dibaca sekalian yang hadir di majlis hendaklah bangun berdiri.

Lepas dibaca Doa
Selamat itu
surat itu dise-
rah balik kepada
Seri Maharaja Lela.

46. Selepas bacaan Doa, Surat itu diserahkan balik kepada Seri Maharaja Lela; Yang DiPertua Majlis Ugama dan pengapitnya mengangkat sembah dan undur ketempat duduk mereka.

Seri Maharaja Lela
memaklum dibawah
Duli Yang Maha Mulia
Istiadat Pertabalan
tamat.

47. Seri Maharaja Lela mara hadapan Istaka mengangkat sembah memaklumkan dibawah Duli Yang Maha Mulia bahawa adalah Istiadat Pertabalan telah tamat.

Nobat dipalu
Duli-Duli Yang Maha
Mulia berangkat
meninggalkan maj-
lis dituruti oleh
wakil-wakil Raja-
Raja dan Ketua-
Ketua Negeri.

48. Nobat dipalu lagu Raja Berangkat dan
Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah
berangkat turun dari Istaka meninggalkan maj-
lis didahului oleh Seri Maharaja Lela diapit
oleh Dato' Pegawai-pegawai yang membawa Jogan
Ugama, Jogan Alam, Cokmar-cokmar, dan pedang-
pedang diikuti oleh Juru-Juru Iring, Dang Per-
wara dan dituruti oleh Wakil-wakil Raja-Raja
dan Ketua-Ketua "egeri serta isteri-isteri
mereka.

BAB III

PERARAKAN PERTABALAN DIRAJA

Duli-Duli Yang
Maha Mulia naik
kendaraan ber-
angkat ke Istana.

49. Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang
Maha Mulia Sultanah naik kendaraan dan berang-
kat ke Istana.

Wakil-wakil SPB.
Yang DiPertuan
Agong, Raja-Raja
dan Ketua-Ketua
Negeri berangkat
sama dalam pera-
rakan Pertabalan
DiRaja.

50. Wakil-wakil Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Duli-
Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Ketua-
Ketua Negeri serta isteri-isteri mereka naik
kendaraan masing-masing ikut susunan tertib
keutamaan berangkat bersama-sama dalam pera-
rakan Pertabalan DiRaja - terus ke Istana dan
masuk ke Balai Penghadapan.

Wakil-wakil DYMM.
SPM. Yang DiPertuan
Agung, Raja-Raja
dan Ketua-Ketua
Negeri mengucapkan
tahniah kepada
DYMM. Sultan.

Aturcara selanjut-
nya berkenaan
dengan tabalan.

51. Di Balai Penghadapan Wakil-wakil Duli
Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPer-
tuan Agung, Raja-Raja dan Ketua-Ketua Negeri
mengucapkan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia
Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Sultanah.

52. Aturcara selanjutnya berkenaan dengan
Tabalan - lihat lampiran kepada peraturan ini.

LAMPIRAN=LAMPIRAN

- "A" Dzaif-dzaif khas di Majlis Pertabalan.
- "B" Peristiharan Pertabalan.
- "C" Titah Ucapan DiRaja di Majlis Pertabalan.
- "D" Ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar
di Majlis Pertabalan
- "E" Lain-lain perkara, acara dan temasha pada
Pertabalan.
- "F" Senarai alat-alat Kebesaran DiRaja Negeri Kedah.
- "G" Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Halim
Muazzam Shah di Majlis Jamuan Negeri.
- "H" Kanun Negeri Kedah (1650 - 1784 Masehi) berkenaan
dengan Pertabalan Sultan.

LAMPIRAN

DZAIF-DZAIF KHAS DI MAJLIS PERTABALAN

Raja-Raja atau Sultan-Sultan dijemput hadir di Majlis Pertabalan.

1. Sudah menjadi adat (tradisi) Raja-Raja atau Sultan-Sultan Negeri-Negeri jiran dijemput hadir di Majlis Pertabalan, tetapi lazimnya Raja-raja atau Sultan-Sultan tidak sendirinya hadir. Mereka menghantar wakil-wakil. Dan sudah menjadi kelaziman di zaman sekarang wakil-wakil itu dijemput bersama-sama isteri.

Wakil-wakil itu pula diiringi oleh beberapa orang Dato' atau Pembesar serta isteri mereka.

Wakil Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong.

2. Pada masa Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Abdul Halim Muazzam Shah Ibni Al-marhum Sultan Badlishah dalam tahun 1959, Wakil Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Malaysia.

Menteri-menteri Kabinet, Menteri-menteri Besar Ketua-ketua Menteri Malaya Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Negeri-negeri Luar.

3. Pada masa Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Abdul Halim Muazzam Shah Ibni Al-marhum Sultan Badlishah dalam tahun 1959, Menteri-menteri Kabinet, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Duta-duta Luar Negeri serta isteri-isteri mereka dijemput hadir di Majlis Pertabalan.

"A"

Susunan ketibaan
di Balai Perta-
balan Wakil-wakil
SPB Yang DiPer-
tuan Agong, Raja-
raja dan Ketua-
ketua Negeri.

4. Susunan ketibaan di Balai Pertabalan bagi
Perdana Menteri, sebagai Wakil Seri Paduka
Baginda Yang DiPertuan Agong, Raja-raja, Ketua-
ketua Negeri dipertetapkan dalam Buku Aturcara.

"B"

LAMPIRAN

PERISHTIHARAN PERTABALAN

(Dalam Tulisan Jawi)

BAHWA dalam Mesyuarat Majlis Mengangkat Raja yang
telah diadakan di jam pukul
pada haribulan tahun Hijrah
..... tahun Masihi telah dipertetap-
kan Duli Yang Maha Mulia Tuanku menjadi Raja
Negeri Kedah menggantikan Duli Yang Maha Mulia Sultan
.....

Maka inilah dipertetapkan bahwa pada hari ini ditabalkan
Duli Yang Maha Mulia Sultan
menjadi Sultan dan Pemerintah Negeri Kedah Darulaman dan segala
Jajahan Takluknya dengan gelaran Sultan
.....

"C"

LAMPIRAN

TITAH UCAPAN DIRAJA

"DI DALAM UPACARA INI BETA MEMBAKTIKAN KEHIDUPAN BETA DEMI UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT BETA: DAN BETA TERUS MEMPERJUANGKAN DAN MENINGGIKAN KESUJAHTERAAN DAN MEMAKMURAN MERKA: BETA AKAN MEMPERTAHANKAN KESUCIAN UGAMA ISLAM; BETA AKAN MENJUNJONG PERLEMBAGAAN BETA AKAN MEMELIHARAKAN HAK KEISTIMEWAAN".

TERJEMAHANNYA

("On this solemn occasion, I dedicate my life to the service of my people; I will ever strive to promote their well-being; I will defend the Faith; I will uphold the Constitution; I will maintain, the Right".)

LAMPIRAN

Ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar,
Kedah (Tunku Ismail bin Tunku Yahaya), pada
masa Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia
Sultan Abdul Halim Muazzam Shah Ibni Almarhum
Sultan Badlishah di Balai Besar, Alor Setar,
pada 20hb. Februari, 1959, bersamaan 12hb.

Shaaban, 1378.

"Duli Tuanku Yana Maha Mulia".

"Dalam majlis Istiadat yang bersejarah dengan dihadziri
di antaranya oleh wakil Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang
DiPertuan Agong, Duli Yang Maha Mulia Pemangku Yang DiPertuan
Besar, Negeri Sembilan, dan wakil-wakil Duli-Duli Yang Maha Mulia
Raja-raja dan tuan-tuan Yang Terutama dan Duta-duta Besar Negara-
Negara Luar Negeri dan Menteri-menteri daripada seluruh Tanah
Melayu ini, maka pada hari dan saat yang amat berbahagia ini Duli
Tuanku Yang Maha Mulia telah sempurna ditabalkan dengan sepenuh-
sempenuh istiadat yang resmi menjadi Yang DiPertuan dan Sultan bagi
Negeri Kedah dan segala jajahan takloknnya.

Bahawa sesungguhnya Istiadat Pertabalan yang seperti ini
ialah satu istiadat yang penuh lengkap dengan adat tertib dan
peraturan-peraturan yang terakam menjadi suatu tawarikh yang amat
mashur kenamaannya yang diadakan pada akhir sekali pada 15hb. Zul-
hijjah tahun Hijrah 1219, iaitu selama lebih kurang 150 tahun da-
hulu. Dengan demikian patek sekalian berasa sangat gembira

"p"

terujudnya semula istiadat yang zaman berzaman, sundut bersundut, dengan tidak ternilai harganya itu dan diterima dan dilaksanakan pula dalam tempoh zaman pemerintahan Duli Yang Maha Mulia.

Bagi pihak Kerajaan dan Rakyat Negeri Kedah patek menyembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku ucapan setinggi-tinggi tahniah dan lafaz taat setia pada hari Pertabalan Tuanku. Patek sekalian menyambut Duli Tuanku dengan perasaan kasih yang amat mesra yang terbit daripada hubungan yang amat rapat iaitu simpulan perhubungan yang mencantumkan Kaum Kerabat DiRaja Negeri Kedah dengan sekalian rakyat Negeri ini. Patek sekalian adalah mengalu-alukan Pertabalan Duli Tuanku pada hari ini sebagai syarat mengesahkan taraf kedaulatan Duli Tuanku sebagai Raja yang berdaulat lagi berketurunan dan sampailah masanya bagi Duli Tuanku Yang Maha Mulia menaiki Takhta kemuncak tajuk Negara yang tertentu bagi diri Tuanku.

Bahawa rakyat-rakyat Duli Tuanku iaitu daripada apa bangsa atau asalnya sekali pun pada ketika yang besar maananya ini adalah berikrar akan berkhidmat kepada Duli Tuanku dan menumpukan segala ketaatan dan kesetiaannya yang tidak berkeputusan dengan berpanduan kepada contoh sikap perkhidmatan yang ditonjolkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya tercapai cita-cita dan harapan yang bertanggung atas batang tubon patek sekalian.

Akhirnya patek sekalian berdoa kehadzrat Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan barang dikurniakan pada Duli Tuanku sentiasa sihat walafiat dan dilanjutkan usia zaman Duli Tuanku dan diharapkan pemerintahan Duli Tuanku itu dipenuhi dengan segala kemajuan dan kejayaan yang tidak terhingga aman sentosa dan penuh dengan kemakmuran dan keadilan selama-lamanya. Amin Yarabul Alamin.

"E"

LAMPIRAN

- Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Abdul Halim tahun 1959.
- Pada masa Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-marhum Sultan Badlishah dalam tahun 1959 aturcara yang berikut telah diperbuat untuk meriahkan Hari Pertabalan:-
- Jamuan tengah hari kepada Menteri-menteri Kabinet, Ketua-Ketua Menteri, Duta-duta dan lain-lainnya.
1. Pada Hari Pertabalan, waktu tengahari, diadakan jamuan tengahari beri kepada Menteri-menteri Kabinet, Menteri-menteri Besar lain-lain Negeri, Ketua-ketua Menteri, Duta-duta dan Pesuruhjaya Tinggi yang hadzir di Majlis Pertabalan.
- Jamuan Negeri kepada Wakil SPB. Yang Di-Pertuan Agong Wakil Raja-raja, Ketua-ketua Negeri dan lain-lainnya.
2. Pada sebelah malam Hari Pertabalan diadakan Jamuan Negeri beri kepada wakil-wakil Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Raja-Raja, Ketua-ketua Negeri, Kerabat-kerabat Negeri, Ahli-ahli Dewan Negeri, Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dato'-Dato' Ketua-ketua Pekerjaan dan lain-lain orang kenamaan Negeri.
- Jamuan kepada Pegawai-pegawai Kerajaan, Penghulu-penghulu Mukim dan lain-lainnya.
3. Pada keesokan harinya diadakan jamuan beri kepada Pegawai-pegawai Kerajaan, Penghulu-penghulu Mukim, Pegawai-pegawai yang mengambil bahagian dalam istiadat dan pekerjaan Pertabalan dan lain-lain orang.

Kenduri kepada alim-ulama, guru-guru Uqama dan Pegawai-pegawai Uqama.

4. Diadakan kenduri yang dihadziri oleh alim-ulama, guru-guru uqama dan Pegawai-pegawai uqama.

Beri makan kepada fakir miskin.

5. Beri makan kepada fakir miskin dalam lengkongan pekan Alor Setar.

Jamuan teh di Kebun Istana Anak Bukit.

6. Diadakan Jamuan Teh di Kebun Istana Anak Bukit sebelah petang Hari Pertabalan.

Temasya sungai sukan dan pertunjukan senaman murid-murid sekolah.

7. Diadakan temasya sungai, sukan dan pertunjukan senaman oleh murid-murid sekolah dalam lengkongan pekan Alor Setar.

Perarakan kereta berhias dan permainan berbagai jenis wayang.

8. Diadakan perarakan kereta berhias sebelah malam pada malam esoknya, dan juga berbagai jenis hiburan untuk orang ramai.

Cenderamata kepada guru-guru, murid-murid sekolah yang mengambil bahagian dalam pekerjaan Pertabalan.

9. Diperbuat satu cenderamata bagi mengingati Hari Pertabalan beri kepada guru-guru, murid-murid sekolah dan lain-lain yang mengambil bahagian dalam pekerjaan Pertabalan.

- Pingat
Pertabalan
ditempah khas.
10. Ditempah khas satu Pingat Pertabalan untuk dikurniakan kepada mana-mana orang bagi mengingati Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan.
- Setem Pos dan
sarong surat
hari pertama.
11. Mengeluarkan setem pos dan sarong surat hari pertama mengambil sempena Hari Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Sultan, dengan kerjasama Kerajaan Pusat.
- Hari kelepasan
am pada Hari
Pertabalan.
12. Diishtiharkan hari kelepasan am pada Hari Pertabalan.
- Bendera di-
pernaikkan di-
bangunan-ba-
ngunan Kerajaan,
rumah-rumah kedai
dan lain-lainnya.
- 13.(a) Pada Hari Pertabalan dipernaiakkan bendera Negeri di bangunan Kerajaan, rumah-rumah kedai, kelab-kelab atau persatuan, rumah kediaman di seluruh Negeri Kedah.
- Hiasan lampu ma-
lam bangunan-
bangunan K'jaan
rumah-rumah
kedai dan lain-
lainnya.
- (b) Dan pada malamnya segala bangunan-bangunan Kerajaan, rumah-rumah kedai atau perniagaan, kelab-kelab atau persatuan dan rumah kediaman dalam lengkongan pekan Alor Setar dan lain-lain pekan dalam Negeri Kedah dihiaskan dengan lampu warna-warni dan lain-lain perhiasan.
-

LAWATAN KE DAERAH-DAERAH

Selepas beberapa hari daripada Hari Pertabalan Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah berangkat ke Daerah-daerah dalam Negeri Kedah diiringi oleh Menteri Besar dan isteri, Setiausaha Kerajaan dan isteri, Dato'-Dato' yang dititahkan serta isteri mereka.

LAMPIRAN

SENARAI ALAT-ALAT KEBESARAN DIRAJA

NEGERI KEDAH

Adalah alat-alat kebesaran Diraja Negeri Kedah seperti berikut:-

1.	Jogan Ugama	1
2.	Jogan Alam	1
3.	Keris Kebesaran Negeri	1
4.	Cokmar	2
5.	Pedang	12
6.	Tombak berambu	12
7.	Lembing	12
8.	Perisai	2
9.	Puan ⁺ (tapak) sireh	1
10.	Benian ⁺ (bersampul kuning)	1
11.	Kendi dan cepir (pelapek)	2
12.	Embat-embat dan cepir	2
13.	Seroja (tempat surat casket)	4
14.	Bekas perasap	2
15.	Payong ubor-ubor (warna kuning)	16

+ "Puan" - Tempat sireh yang diperbuat dari emas atau perak (biasanya diguna oleh permaisuri) atau pengantin perempuan dan juga satu daripada tanda kekuasaan Raja. Atau tapak diperbuat dari kayu disalut dengan bunga ukiran perak atau emas.

.....2/-

"P"

- + "Benian" - Sejenis peti kecil (kotak) daripada perak tempat menyimpan wang atau barang-barang keemasan yang berharga.

...

"G"

LAMPIRAN

Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Halim Muazzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah di Majlis Jawuan Negeri Yang diadakan di Balai Besar, Alor Setar, pada 20hb. Februari, 1959, pada masa Pertabalan Duli Yang Maha Mulia.

Duli-Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Tunku, tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam sedikit hari yang lepas ini orang-orang Negeri Kedah dan pelawat-pelawat daripada lain-lain tempat di dalam Persekutuan Tanah Melayu dan daripada Negeri luar telah melihat di sini bahawa telah dzahir semula sedikit sebanyak adat-adat Negeri ini di zaman dahulu kala. Mereka telah melihat terutama sekali istiadat Pertabalan saya menjadi Sultan iaitu istiadat yang tiada pernah dijalankan lebih daripada satu kurun sudah. Kepada Tunku-tunku dan tuan-tuan yang telah datang kepada perayaan ini daripada lain-lain tempat di dalam Persekutuan Tanah Melayu dan di Negeri-Negeri seberang laut dan yang ada hadir di sini pada malam ini saya menyatakan bahawa saya sangatlah besar hati kerana Tunku-tunku sudi hadir dan saya harap manakala Tunku-tunku dan tuan-tuan berangkat balik daripada Negeri ini ke tempat masing-masing dapatlah Tunku-tunku dan tuan-tuan membawa balek bersama-samanya ingatan yang menyuka hati masing-masing di atas perkara-perkara yang di lihat di sini berkenaan dengan saya dan rakyat Negeri ini.

Dalam perayaan ini saya sendiri berasa bangga dan juga tawaduz. Saya berasa bangga kerana mengingatkan adat istiadat dan

.....2/-

ketaatan rakyat ada hidup dan cukup kuat di dalam Negeri saya dan sekarang menjadi sebahagian daripada Tanah Melayu yang bebas dan merdeka dan tawaduz kerana memikirkan tanggung yang berat lagi mustahak disegerakan yang terpaksa dipikul oleh saya dan Kerajaan saya pada masa ke hadapan.

Di dalam keramaian ini saya sangatlah sedar bahawa temasha dan kebesaran itu tiada menampakan kepada kita perkara yang lebih dalam di dalam kehidupan rakyat negeri. Biarlah saya memberi pengakuan bahawa bagi diri saya hidupnya semula adat kulut yang menindas rakyat-rakyat seperti di zaman Raja-raja dahulu kala. Bagi diri saya istiadat ini ialah satu ketandaan bahawa telah tertarik lebih rapat lagi ke dalam hal kehidupan rakyat samaada dengan jalan jasmani mahu pun rohani dan sesungguhnya saya mengaku bahawa berkenaan semua kemuliaan yang telah dicurahkan kepada saya akan sentiasalah saya ingat bahawa supaya Raja itu dapat bersemayam di atas takhtanya dengan senang hati maka berkehendaklah diadakan perhubungan yang rapat di antaranya dengan rakyatnya dan cukup sedar di atas segala cita-cita dan kehendaknya serta faham dan berusaha bersungguh-sungguh menyelesaikan segala masalah dan kesusahannya dan suka bercampur gaul dan bersuka-suka dengannya. Berat sama dipikul ringan sama-sama dijnjing. Dengan semangat inilah maka di dalam perayaan ini saya memberi pengakuan semula bahawa saya akan berkhidmat untuk faedah rakyat.

Hati saya dan Sultanah sangat tertarik di dalam perayaan ini kepada tanda-tanda taat setia dan kasih mesra daripada semua puak dan golongan di dalam Negeri ini yang telah ditunjukkan kepada saya berdua dan sangatlah tertarik hati saya berdua kepada kemurahan rakyat yang telah mempersembahkan hadiah-hadiah yang indah-indah pada masa Pertabalan saya. Kepada rakyat saya maka saya sangatlah

besar hati dan saya berdua berdoa kehadzrat Ilahi moga-moga pemerintahan saya dapat membuktikan kepada mereka bahawa kasih sayang saya kepada rakyat Negeri Kedah ini setimbul dengan kasih sayangnya kepada saya.

Kepada semua orang yang bermurah hati berkurban masa dan tenaga untuk menjayakan perayaan ini - dan di sini saya menunjukkan kepada pihak yang berkuasa sama ada pihak Kerajaan mahu pun askar dan polis dan juga kepada berbagai-bagai puak sukarela yang telah memberikan pertolongan masing-masing - saya ucapkan terima kasih kepada mereka kerana jika tidak sebab usahanya yang bersungguh-sungguh dan persediaan yang sempurna itu tentulah tiada berhasil perayaan ini.

Marilah kita berseronok suka sekarang ini dan menghiburkan hati dengan melihat segala tamsasha yang telah disajikan untuk kita tetapi apabila telah selesai perayaan ini saya harap rakyat bersama-sama dengan saya dapat berhadap betul-betul supaya boleh kita bersama-sama menyelesaikan berbagai-bagai masalah yang terpaksa dihadapi oleh kita dan boleh kita bergerak maju berusaha bersungguh-sungguh supaya bumi kita yang subur dan permai ini akan menjadi tempat yang lebih aman dan lebih mamor daripada masa yang sudah-sudah.

Duli-Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri tuan-tuan dan puan-puan sekalian sebagai penutup sekali lagi saya mengucapkan kepada Tunku-tunku dan tuan-tuan semua dan kepada orang-orang Negeri Kedah ucapan terima kasih dan salam Muhibbah.

LAMPIRAN

KANUN NEGRI KEDAH
(1650 - 1784 Masehi)

Berkenaan dengan Adat Istiadat Pertabalan Raja-Raja.

Alat-alat . . . 1. Alat-alat Kerajaan pada masa pertabal:-

- (i) Pedang Kerajaan 4 bilah - dua emas dan dua perak.
- (ii) Pembawa pedang ialah bangsa Megat atau anak Menteri - bertetampan kuning.
- (iii) Benian dua biji - bersampul kuning.
- (iv) Pedang
- (v) Perisai.
- (vi) Puan.

Yang membawanya - pedang, perisai dan puan anak Menteri atau anak-anak Raja - bertetampan kuning.

- (vii) Baju berantai 2 orang memakainya daripada anak hulubalang.
- (viii) Bedil dua pucuk - bersampul kuning - yang membawanya anak hulubalang.
- (ix) Kayu kuning (sekarang digelar Maha Guru).

Aturan berjalan.

2. Aturan berjalan :-

- (i) Kayu kuning
- (ii) Bedil
- (iii) Pedang
- (iv) RAJA
- (v) Benian
- (vi) Puan.

Raja naik gajah
ke masjid
sebelum bertabal.

3. Adat Raja dahulu Raja hendak bertabal
itu naik gajah berjalan ke masjid dan balek-
nya ditabalkan di istaka.

Aturan duduk
majlis tabalan.

4. Perintah tatakala tabal itu diatur papan
tiga saf. Yang pertama itu Bentara berdiri
dua orang atau seorang; Disebelah Bentara itu
Bendahara seorang. Kebawah sedikit daripada
Bentara berdiri itu, saf yang kedua, anak-
anak Raja; di kanan kiri anak-anak Raja itu
Menteri Empat. Saf yang ketiga Menteri dan
Hulubalang dan rakyat hina dini, dinyatakan
papan bernama tapakan.
